

29,000 rakyat Malaysia tinggal tetap di Britain

MAHATHIR

BERI

KATA-DUA

DATUK Musa sed

TA

LONDON 12 April — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad yang sedang berada di sini telah memberi kata-dua kepada warganegara Malaysia yang berhijrah di luar negeri menentukan sikap sama ada pulang ke Malaysia atau melucutkan kerakyatan mereka.

"Sekiranya mereka ingin terus menetap di negara asing, mereka hendaklah memulangkan semula kerakyatan Malaysia dan mengambil kerakyatan di negara mereka tinggal sekarang", katanya.

Beliau mensifatkan rakyat Malaysia yang tinggal di negara asing dan tidak mempunyai pendirian itu sebagai bermuka-muka.

Katanya: "Kita tidak berupaya menahan sebarang rakyat Malaysia dari berhijrah ke negara asing yang semata-mata mengejar kehidupan yang lebih tinggi."

Timbalan Perdana Menteri itu telah menyebut ada setengah golongan profesional dan rakyat biasa berhijrah ke Australia, Britain dan negara-negara barat tetapi mereka masih memegang lagi kerakyatan Malaysia.

membuka pintu Perikatan kepada parti-parti pembangkang duduk semeja dan mentadbirkan negara."

Orang Melayu masih boleh memerintah selepas pembentukan Malaysia dengan bersatu dengan parti-parti Melayu dan bumiputera sama ada di Semennanjung atau di Sabah dan Sarawak.

"Apakah kita masih perkauman dan apakah Malaysia tidak merupakan negara yang unik di dunia?", tanya Timbalan Perdana Menteri itu.

Dalam hubungan ini Doktor Mahathir mengajak para pelajar Malaysia di seberang laut supaya memahami keadaan hidup di negara kita, sama-sama bertanggungjawab bagi menjamin kestabilan bukan saja untuk hari ini tetapi masa depannya.

Di mana-mana negara pun mempunyai masalah-masalahnya sendiri. Tetapi sebagai rakyat janganlah kita lari dari masalah dan tanggungjawab itu ujarnya.

Menjawab pertanyaan pelajar kenapa Malaysia tidak menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan yang utama kerana nilai-nilainya di bidang kemajuan sains,

U.M. 13 APR 1977

kan langsung ianya menjadi bahasa kedua saja kerana memang tidak boleh dinafikan bahasa Inggeris menjadi bahasa antarabangsa di dunia."

Menjawab dakwaan Akta Universiti dan Universiti College mencengkam kebebasan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi Malaysia, Dr. Mahathir berkata:

"Ramai pelajar di Malaysia sendiri mengakui bahawa dengan ujudnya akta tersebut telah membebaskan mereka untuk belajar. Selama ini mereka sentiasa didesak bagi menghadiri rapat umum, pidato, tunjuk perasaan dan berbagai kegiatan yang tidak kena mengena dengan pelajaran."

Golongan tersebut menganggap kehidupan di Malaysia tidak begitu baik lagi kerana menghadapi suasana perkauman, tekanan kemiskinan, kegiatan korupsi serta pentadbiran yang kurang cekap dan berbagai lagi.

Mereka memilih menetap di negara-negara yang kononnya terdapat kebebasan diri, kemampuan membuat kritikal serta kehidupan yang lumayan, ujarnya.

Di Britain saja terdapat lebih 29,000 rakyat Malaysia yang tinggal tetap (angka ini tidak termasuk 14,000 penuntut yang tidak tergolong sebagai residen tetap di Britain).

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran telah bercakap dalam majlis dialog dengan pelajar-pelajar Malaysia di Cardiff, Wales malam semalam.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain Datuk Abdullah Ali, Pengarah Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di Britain Encik Mohd Noh Ajalah, Presiden Kesatuan Penuntut-Penuntut di Wales Encik Khalid Hussain adalah lebih seratus para pelajar yang hadir.

Menerangkan tentang negara, Timbalan Perdana Menteri berpendapat Malaysia adalah satu-satunya negara yang unik di dunia dengan rakyat berbilang kaumnya hidup dalam rukun damai serta mempunyai kestabilan politik dan ekonomi yang kukuh walaupun belum sampai suku abad mencapai kemerdekaan.

Beliau juga menyebut pembangunan pesat di bidang ekonomi sekarang meningkat berlipat ganda di mana balance of trade negara tahun lalu berjumlah empat laka (billion) ringgit berbanding tujuh ratus juta ringgit pada tahun sebelumnya.

Membuka pintu

Dr. Mahathir menekankan Malaysia dari mula lagi boleh mengujudkan Kerajaan Melayu dengan majoriti yang cukup "tetapi kita mahu supaya semua kaum bersamasama kita dalam mempertanggungjawabkan pemerintahan kerajaan."

"Kerana itulah kita tubuhkan Parti Perikatan dan kemudian kita membentuk pula Barisan Nasional dengan

teknologi dan ekonomi, Dr.

Mahathir berkata:

"Negara-negara Jepun, Jerman, Perancis, Russia tidak menggunakan bahasa Inggeris tetapi negara mereka lebih maju dari orang Inggeris sendiri dalam apa bidang pun.

"Kita di Malaysia dulu belajar bahasa Inggeris dari sekolah rendah hingga ke taraf universiti tetapi ini tidak berlaku di Jepun, Jerman, Perancis, Russia dan kenapa mereka lebih maju dari kita?

Beliau menjelaskan adanya penuntut yang belajar aliran Melayu dari sekolah rendah hingga ke Universiti Kebangsaan yang berjaya mencapai Master Degree di Amerika dan Britain dengan menggunakan bahasa Inggeris. Mereka lebih berjaya dari mereka yang mengaji bahasa Inggeris sendiri.

Ini menunjukkan tidak ada sebab-sebab menasabah mengapa Bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan Malaysia tidak boleh mencapai kejayaan dalam apa bidang sekalipun, ujar beliau.

Beliau menghuraikan Bahasa Malaysia hari ini

semasa.

"Ada setengah perkataan kita pinjam dari bahasa-bahasa lain termasuk Inggeris sendiri dan disesuaikan dalam semua aspek termasuk sains, teknologi, ekonomi serupa juga proses kemajuan bahasa-bahasa yang maju di dunia.

"Sekarang saudara-saudara boleh belajar sains kesemuanya dalam Bahasa Malaysia," kata beliau.

Dr. Mahathir menegasakan Bahasa Malaysia yang dicipta sekarang mempunyai aspek perpaduan yang boleh menyatu padukan rakyat berbilang kaum di negara kita.

Katanya kita tidak boleh bersatu padu dengan menggunakan artificial language.

"Kita dilahirkan dan dibesarkan di alam kita dan warna kulit kita pun berbeza dengan barat, jadi tidak ada sebab mengapa kita harus jadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama negara," ujarnya.

Kedua

Tegasnya: "Bahasa Inggeris tidak pula kita ket-

"Hasil kebebasan pelajar untuk menumpukan pelajaran dengan ujud akta tersebut telah menaikkan peratus kelulusan dalam peperiksaan di pusat-pusat pengajian tinggi sejak dua tahun kebelakangan ini."

Dalam hubungan ini Timbalan Perdana Menteri mengemukakan orang-orang semacam Hishamuddin Rais yang menjadi profesional di bidang demonstrasi dan sekarang ini diperalatkan di Australia.

Beliau kurang faham sama ada kebolehan demonstrasi itu merupakan kebolehan ilmiah yang mereka pelajari di pusat-pusat pengajian tinggi.

"Kita tidak ada masa untuk orang-orang seperti itu, lebih-lebih lagi kalau mereka terdiri dari pelajar-pelajar bumiputera kerana tujuan kita memberi kemudahan pelajaran kepada mereka semata-mata untuk mengejar taraf sama rata dalam masyarakat Malaysia," ujarnya.

Seorang pelajar lagi telah menegur sikap Kerajaan Malaysia yang masih tidak tegas dalam membenters

rasuah. Pelajar itu memuji Kerajaan Singapura dalam membersihkan rasuah dalam pentadbiran pemerintahnya.

Dr. Mahathir menjawab: "Kita memang tidak menafikan adanya rasuah dalam negara kita tetapi rasuah itu belum merupakan sebagai instusi lagi.

Beliau berkata rasuah yang berlaku di Malaysia masih melalui saluran bawah meja tidak seperti setengah-setengah negara sudah sampai ke atas meja.

Walau bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa kerajaan memang tidak menggalakkan rasuah kerana itu tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk membentersnya.